

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Biaya dua projek	Harian Metro
2.	Kerajaan mahu komersial inovasi pelajar	KOSMO
3.	Noorul Ainur Pengerusi Suruhanjaya Sains UNESCO	Utusan Malaysia
4.	M'sia Pengerusi Suruhanjaya Sains UNESCO	Sinar Harian
5.	Malaysia takes over chairmanship of Science Commission of Unesco	BERNAMA
6.	Malaysia elected chair of Unesco's science body	New Straits Times
7.	Kerajaan berhasrat komersialkan produk inovasi pelajar sekolah	Utusan Malaysia
8.	MOSTI mahu komersialkan produk ciptaan pelajar sekolah	Berita Harian
9.	Amiran dapat kontrak RM1.2 bilion	Berita Harian
10.	Kenali dunia sains angkasa	Berita Harian
11.	IoT pertanian bakal tingkat pendapatan dan peluang pekerjaan	BERNAMA
12.	4 suspek akan disambung reman	KOSMO
13.	Murder weapons found after seven-hour search	Malay Mail
14.	All systems go for flood relief efforts	The Sun



BIAYA DUA PROJEK

■ MOSTI sokong penggunaan tenaga solar perindustrian

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kerajaan Malaysia berminat dan mengambil langkah utama untuk menyokong penggunaan tenaga solar perindustrian di negara ini terutama menerusi skim pembiayaan kajian dan pembangunan (R&D).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah berkata, sokongan MOSTI ke arah membangunkan teknologi tenaga solar yang berkaitan di negara ini adalah melalui skim R&D.

Beliau berkata, setakat ini menerusi dana prapengkomersialan MOSTI juga membiayai dua projek berkaitan tenaga solar yang berjumlah lebih RM4 juta.

“MOSTI sentiasa bersedia



menggalakkan pembangunan teknologi baharu dan lebih daripada bersedia untuk menyediakan sumber serta memberi sokongan padu bagi pembiayaan R&D strategik dan inisiatif pembangunan industri.

“Sumber tenaga yang boleh diperbaharui akan memainkan peranan lebih besar pada masa akan datang,” katanya pada sidang media

“MOSTI menggalakkan pembangunan teknologi baharu dan lebih daripada bersedia untuk menyediakan sumber serta memberi sokongan padu”

Dr Abu Bakar Mohd Diah

di majlis menandatangani Perjanjian Perkongsian Teknologi antara Amiran Technology Sdn Bhd (Amiran) dan K.I.S Co Ltd Japan (K.I.S) di sini, semalam.

Menurutnya, K.I.S dikenali sebagai antara pemain utama dalam industri haba suria dan berpengalaman lebih 30 tahun manakala kerjasama dengan Amiran adalah tepat bagi mempercepatkan

pembangunan serta aplikasi produk baru bukan sahaja di Malaysia, malah pasaran global.

Beliau berkata, kerjasama itu juga agak unik kerana ia tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan produk, tetapi juga modal insan melalui pembangunan vendor.

“Selain itu, melalui agensi seperti MyInvent juga akan menjadi pemangkin kepada kedua-dua negara bagi meneroka peluang lain dalam sektor tenaga boleh diperbaharui,” katanya.

Kerjasama antara Amiran dan K.I.S meliputi fabrikasi, pengeluaran dan integrasi Penjana Gas Hibrid Tenaga Synfuel berdasarkan reka bentuk konsep dari Amiran untuk membangunkan Sistem Kuasa Super Solar Hibrid dengan Modul Penjana Tenaga Hidrogen, aktiviti R&D, pemasaran dan promosi.

